

**CABARAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH BERKAITAN
KESALAHAN LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN
MENURUT PERUNDANGAN SYARIAH**

Fathin Shahirah Binti Abd Rahim*

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
fathin.shahirah@unimel.edu.my

Fatin Nadiyah Binti Mohamad Nawawi

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
fatinnadiyah968@gmail.com

**Corresponding author*

Received Date: 17 October 2025 **Accepted Date:** 28 November 2025 **Published Date:** 31 December 2025

ABSTRAK

Isu mengenai kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan merupakan satu fenomena yang membimbangkan pada masa kini. Golongan ini semakin aktif menubuhkan persatuan dan cuba untuk menuntut hak mereka di bawah undang-undang bagi mewajarkan tindakan mereka sekaligus memperjuangkan hak yang sama seperti orang lain, terutamanya hak kebebasan dalam berperwatakan seperti wanita. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kelemahan yang wujud sehingga menampakkan isu seperti ini semakin berleluasa di Malaysia. Kajian ini dijalankan secara kualitatif iaitu pengkaji menemubual beberapa orang informan bagi menjawab objektif kajian. Kajian kepustakaan turut dilaksanakan oleh pengkaji bagi menyokong data-data dalam kajian ini. Di akhir kajian, pengkaji mendapati penguatkuasaan jenayah syariah masih berada di tahap sederhana dan perlu ditambahbaik khususnya dari aspek peruntukan undang-undang jenayah syariah yang sedia ada. Selain itu, kekangan dari sudut jumlah Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA), peralatan dan kemudahan penguatkuasaan jenayah juga turut menyumbang kepada peningkatan statistik kes seperti ini. Justeru, bagi mengurangkan kadar pertambahan bilangan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan ini, pihak kerajaan dan NGO perlu bersama-sama berganding bahu memikirkan 'jalan keluar' bagi menangani isu permasalahan ini. Kejayaan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah bergantung kepada keberkesanan penguatkuasaan syariah oleh PPA.

Kata Kunci: *Lelaki berlagak seperti perempuan, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, kelemahan, penambahbaikan*

CHALLENGES IN THE ENFORCEMENT OF SYARIAH LAW RELATING TO THE OFFENCE OF MEN IMITATING WOMEN UNDER SYARIAH LEGAL FRAMEWORK

ABSTRACT

The offence of men pretending to be women is a troubling phenomenon nowadays. These groups are actively increasing to form associations and try to claim their rights under the law to justify their actions. Therefore, this research aims to examine the existing of timorousness in sharia's enforcement in Malaysia. Thus, this research was conducted qualitatively by interviewing a few of informants and digging some information from literature reviews in order to fulfill the objective. At the end of this research, the researchers found out that the enforcement of Sharia law is still at a moderate level and needs to be improved. In addition, the lack of the Religious Enforcement Officers (PPAs), enforcement's equipment and facilities also contributed to the increament of the number of this case statistics. On the other hand, in order to prevent this offence from getting worse, the government and NGOs should strive and work together to solve this problem. The success of the implementation of the Sharia law depends on the effectiveness of the enforcement of Sharia by the PPA.

Keywords: *Men pretending to be women offence, Syariah Criminal Offences Enactment, lacuna, improvement*

PENDAHULUAN

Perkataan lelaki berlagak seperti perempuan atau dikenali sebagai *mukhannats* menurut perundangan Islam ialah seorang lelaki yang menyerupai sifat keperempuanan iaitu sama ada dari aspek perbuatan, percakapan, fizikal, pakaian, perhiasan dan sifat-sifat ke arah kepada keperempuanan. Para ulama telah membahaskan tentang perbuatan meniru gaya seperti perempuan iaitu kedudukan hukum dari sudut fiqh yang bersandarkan kepada dua keadaan sama ada ia mendapat pengecualian ataupun tidak mendapat pengecualian.

Jika melihat pada hukum asal perbuatan ini, ia adalah merupakan kesalahan yang perlu dibendung dan dicegah kerana ia adalah satu perbuatan yang menukar ciptaan Allah SWT. Perkara ini atas dasar Allah SWT telah menciptakan manusia dengan keadaan yang sempurna dengan kedudukan jantina masing-masing. Perkara ini sudah dijelaskan di dalam surah Al-Hujarat ayat 13 yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”

(Surah al-Hujurat: 13)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas dengan merujuk kitab *Shafwatul Bayan*, ada menyebut beberapa perbuatan manusia yang mengubah ciptaan Allah iaitu menyambung rambut, orang lelaki berpakaian dan bertingkah laku seperti perempuan atau sebaliknya (Husnin Muhamad Maklufi, 1987). Penekanan tegahan ini telah jelas menunjukkan bahawa Allah SWT memang benar-benar melaknat bagi orang-orang yang melakukan perbuatan setiap perkara yang telah diciptakan oleh-Nya terutama pada tubuh badan mereka sendiri. Penjelasan sumber dalil di atas, menunjukkan tegahan yang tegas yang berbentuk hukum haram terhadap golongan lelaki yang menyerupai perempuan. Maka jelaslah perbuatan ini adalah satu perbuatan dosa besar yang akan dilaknat oleh Allah SWT dan baginda Rasulullah SAW.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengupas konsep lelaki berpakaian seperti wanita dan juga bagi mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak PPA dalam menguatkuasakan kesalahan ini sekaligus mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan bagi membanteras kesalahan ini daripada terus berleluasa.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka ialah maksud seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah. Manakala menurut istilah syarak, terdapat empat bahagian iaitu:

- a) Lelaki
Menurut Kamus Idris Al-Marbawi, lelaki dalam Bahasa Arab iaitu *rijlun* atau dijamakkan menjadi *rijalun*.
- b) Perempuan
Menurut Kamus Idris Al-Marbawi, perempuan dalam Bahasa Arab ialah *nisa'* iaitu perempuan atau betina.
- c) Manakalah, perkataan lain bagi lelaki berlagak seperti perempuan ialah istilah *khunsa*. *Khunsa* berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud lembik atau lembut seperti kelakuan perempuan (Kamus Idris Al-Marbawi). Ulama fiqh telah membahagikan *khunsa* ini kepada dua keadaan iaitu:

i. *Khunsa Musykil*

Istilah *khunsa musykil* merupakan seseorang atau individu yang tidak diketahui langsung jantannya disebabkan tiada sebarang tanda-tanda yang boleh diklasifikasikan dirinya sebagai lelaki atau perempuan. Individu ini juga terdapat dua alat kelamin dan air kencingnya keluar serentak dari kedua-dua alat tersebut. Bahkan identiti jantannya sukar dibezakan atau hanya dapat dibezakan setelah baligh (Ahmad Tarmizi, 2016). Musykil ini hilang apabila dapat ditentukan dari mana tempat mula air kencing atau kuantiti yang paling banyak atau dikira yang paling akhir berhenti. Manakala jantina mereka juga boleh ditentukan apabila sudah baligh dengan tanda-tanda yang dikenal pasti sama ada memiliki ciri-ciri keperempuanan atau kelakian (Al-Human Al-Maulana Shiekh Nizam, 2000).

ii. *Khunsa Ghayr Musykil*

Ia pula merupakan khunsa yang sudah memiliki tanda-tanda kelakian dan keperempuanan ia dapat dibezakan sama ada seseorang itu lelaki atau perempuan semasa bayi oleh warisnya melalui pemerhatian sifat dan ciri alat kelamin tersebut. Malah ia juga dikenalpasti berdasarkan alat kelamin yang mana satu tempat keluar air kencing terlebih dahulu. Pada dasarnya jantina *khunsa* dapat dikenalpasti dengan berdasarkan alat yang mana lebih dominan berbanding dengan yang satu lagi kurang berfungsi (Mohd Tarmizi, 2016). Di samping itu, *khunsa ghayr musykil* juga berdasarkan keadaan seseorang pesakit yang mempunyai dua alat kelamin, tetapi ciri-ciri salah satu jantina telah mendominasi jantina lain yang menunjukkan penentuan jantinyanya amat jelas. Keadaan ini adalah serupa dengan seserong lelaki yang mempunyai alat kelamin perempuan (Zuhair Ahmad al-Saba'I, 1993).

iii. *Al-Mukhannas*

Menurut Kamus *Mu'jam Lughat al-Fuqaha*, *al-mukhannas* bermaksud lelaki yang menyerupai seorang perempuan pada pandangan, pergerakan, kelembutan dan sebagainya (Zaliha Tak, 1998). Menurut mazhab syafie, *mukkahannas* merupakan seorang lelaki yang bersifat keperempuanan dalam pergerakan badan, jika ia merupakan sifatnya maka ia tidak berdosa (Ibn Abd al-Bari). Selain itu, pendapat mazhab Imam Malik telah menjelaskan *mukhannas* merupakan seseorang itu berlebih-lebihan yang disebabkan oleh dirinya sendiri serta memiliki sifat keperempuanan yang bersangatan sehingga menyerupai seorang perempuan dari segi pandangan, pergerakan, kelembutan dan sebagainya (Al-Muqaddisi).

Jelaslah di sini bahawa *mukhannas* adalah jantina seseorang lelaki yang berkeinginan menjadi seorang perempuan sehingga mengikut gaya-gaya atau ciri-ciri atau seperti seorang perempuan iaitu cara percakapan, pemikiran dan perwatakannya.

Menurut amalan di Malaysia pula, bidang kuasa perundangan berkaitan undang-undang Islam dilihat agak terhad. Butiran 1 Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan Badan Perundangan Negeri atau Dewan Undangan Negeri (DUN) mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang Syariah di negeri masing-masing. Jadual di bawah membuktikan setiap negeri mempunyai bidang kuasa masing-masing untuk menentukan kadar hukuman bagi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan.

Jadual 1: *Peruntukan Akta, Enakmen dan Ordinan negeri berkaitan kesalahan jenayah syariah lelaki berlagak seperti perempuan*

Negeri	Seksyen	Peruntukan	Denda	Pemenjaraan
Wilayah Persekutuan	28	Orang lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000	Tidak Melebihi 1 Tahun
Selangor	30	Lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000	Tidak Melebihi 6 Bulan

Negeri Sembilan	66	Lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000	
Melaka	72	Lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi 6 Bulan	
Johor	28	Orang lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000	
Perak	55	Lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi 1 Tahun	
Kedah	26	Orang lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000	Tidak Melebihi 1 Tahun
	27	Perbuatan tidak sopan di tempat awam		Tidak Melebihi 6 Bulan
Pulau Pinang	28	Lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000	Tidak Melebihi 1 Tahun
Perlis	7	Lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 5000	Tidak Melebihi 3 Tahun
Pahang	33	Lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000 Tidak Melebihi 1 Tahun	
Terengganu	33	Orang lelaki berlagak seperti perempuan		
Kelantan	7	Lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000 Tidak Melebihi 6 Bulan	
Sabah	92	Lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya		

Sarawak	25	Lelaki berlagak seperti perempuan	Tidak Melebihi RM 1000	Tidak Melebihi 1 Tahun
---------	----	-----------------------------------	------------------------	------------------------

Jadual 2: Elemen kesalahan jenayah syariah lelaki berlagak seperti perempuan

Negeri	Elemen Kesalahan
Akta Kesalahan (Wilayah Persekutuan) 1997	Seksyen 28: Orang lelaki berlagak seperti perempuan Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak bermoral.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995	Seksyen 30: Lelaki berlagak seperti perempuan Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam untuk tujuan tidak bermoral.
Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992	Seksyen 66: Lelaki berlagak seperti perempuan Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan atau sebaliknya di mana-mana tempat awam.
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991	Seksyen 72: Lelaki berlagak seperti perempuan Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997	Seksyen 28: Orang lelaki berlagak seperti perempuan Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral.
Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 Perak	Seksyen 55: Lelaki berlagak seperti perempuan Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014	Seksyen 26 : Orang lelaki berlagak seperti perempuan Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam. Seksyen 27: Perbuatan tidak sopan di tempat awam Mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996	Seksyen 28: Lelaki berlagak seperti perempuan Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral.
Enakmen Jenayah Syariah Dalam Syarak 1991 Perlis	Seksyen 7: Lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan (1) Mana-mana orang lelaki yang berlagak seperti perempuan (<i>tasyabbuh</i>) di mana-mana tempat awam. (2) Mana-mana orang perempuan yang berlagak seperti lelaki (<i>tasyabbuh</i>) di mana-mana tempat awam.
Enakmen Kesalahan Jenayah (Pahang) 2013	Seksyen 33: Lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak berakhlak.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Seksyen 33: Orang lelaki berlagak seperti perempuan Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral.
Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Kelantan)	Seksyen 7: Lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Sabah	Seksyen 92: Lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan atau sebaliknya di mana-mana tempat awam.
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak)	Seksyen 25: Lelaki berlagak seperti perempuan Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan mengaplikasikan dua kaedah utama pengumpulan data, iaitu kajian perpustakaan dan temu bual separa berstruktur. Kajian perpustakaan dijalankan secara sistematik dengan meneliti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah setiap negeri di Malaysia, kes-kes Mahkamah Syariah, jurnal akademik, buku serta penulisan kajian lepas yang berkaitan bagi mengenal pasti dan menganalisis ketidakseragaman peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan. Selain itu, kaedah temu bual separa berstruktur digunakan bagi memperoleh data empirikal yang tidak terdapat dalam sumber dokumentasi, khususnya berkaitan amalan penguatkuasaan, cabaran praktikal serta pemerhatian profesional oleh pengamal undang-undang syariah. Temu bual ini melibatkan tiga orang informan, iaitu dua Pegawai Penguatkuasa Agama dari Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan serta seorang mantan Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri Melaka, yang masing-masing mempunyai pengalaman perkhidmatan melebihi tiga tahun bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh.

Penganalisan data dilaksanakan secara kualitatif melalui kaedah analisis kandungan dan analisis perundangan secara kritis. Data temu bual dirakam, ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola, isu dan kelemahan penguatkuasaan yang berulang. Manakala data dokumentasi, termasuk peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah setiap negeri serta penulisan akademik terdahulu, dianalisis secara perbandingan bagi menilai perbezaan struktur dan substansi antara negeri. Pendekatan analisis ini membolehkan penilaian yang sistematik terhadap tahap ketidakseragaman undang-undang jenayah syariah di Malaysia serta menyokong perumusan dapatan kajian ke arah penyeragaman peruntukan dan pencapaian objektif penyelidikan.

DAPATAN KAJIAN

Dalam menguatkuasakan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan ini, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak PPA dalam menyelesaikan isu ini. Antaranya ialah:

1) Kelompongan (*Lacuna*) Peruntukan yang sedia Ada Mengenai Kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan

Peruntukan Undang-undang yang Kurang Jelas

Sebelum sesuatu kesalahan jenayah syariah dikuatkuasakan, seksyen yang ingin didakwa perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan, terdapat satu peruntukan yang sesuai bagi mendakwa kes ini iaitu dibawah seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah 1992 (Negeri Sembilan). Namun begitu, kelompongan seksyen ini hanya memperuntukkan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan yang dilakukan secara fizikal dan tidak memperuntukkan jika sekiranya kesalahan ini dilakukan di media sosial.

Kekangan Penguatkuasaan apabila Kesalahan Dilakukan di Alam Maya

Terdapat juga cabaran yang wujud dari sudut keterbatasan bidang kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama dalam usaha menguatkuasakan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan yang berlaku di alam maya. Masalah kekangan bidangkuasa seperti ini akan menjadikan pegawai penguatkuasa agama tidak mempunyai bidangkuasa yang luas bagi menguatkuasakan kesalahan ini (Zaim Muzhafar, 2019). Kesalahan yang dilakukan di media sosial adalah di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia. Suruhanjaya ini telah diberikan kuasa melalui Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1988. Akta ini merupakan akta yang digubal bertujuan mengawalselia aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia (Nurulain Ibrahim, 2022).

Bagi menguatkuasakan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan di alam maya, PPA perlu berkerjasama pihak SKMM. Manakala menurut beliau lagi, walaupun apabila pihak penguatkuasa menerima aduan berkaitan kesalahan lelaki berlagak perempuan di dalam alam maya ini namun, pihak SKMM akan memberi maklumat berkaitan orang yang disyaki (OYDS). Perkara ini menunjukkan bahawa bahagian penguatkuasa agama di Negeri Sembilan sememangnya mempunyai hubungan rapat bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Di mana jika aduan mengenai kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan yang berlaku di alam maya ini diterima, pihak SKMM akan bekerjasama dengan PPA. Namun untuk dikuatkuasakan sebagai kesalahan jenayah syariah ia mempunyai cabaran yang tertentu yang menghalang pegawai penguatkuasa untuk membuat tangkapan

Hukuman Terlalu Rendah Sehingga Berlaku Kesalahan Berulang Oleh Penjenayah Yang Sama

Kebanyakan pesalah-pesalahan yang disabitkan hukuman di bawah kesalahan ini adalah berkemungkinan merupakan orang yang sama dan berulang. Situasi ini adalah serupa dengan negeri johor yang menunjukkan pelaku kesalahan adalah orang yang sama iaitu di dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Mohd Zain bin Md Sani* di mana tertuduh telah ditangkap pertama kali pada 13 Mei 2009 manakala dalam kes kedua iaitu orang yang di tuduh adalah

merupakan orang yang sama telah ditangkap pada 16 Oktober 2010. Melalui kesalahan ini, majoritinya hakim Mahkamah Syariah telah mensabitkan hukuman denda ke atas pesalah-pesalah buat kali pertama dan kedua (Informan 3).

Walaupun tertuduh telah pun dikenakan tindakan, keadaan ini masih tidak memberi sebarang perubahan yang ketara kerana apabila hukuman denda dikenakan, golongan lelaki berlagak seperti perempuan ini dilihat semakin aktif saban hari. Ini kerana, pensabitan hukuman denda dikenakan ke atas mereka mampu dibayar dengan mudah, malah ada dalam kalangan mereka dibayar oleh persatuan-persatuan yang disertai (Informan 1).

2) Kredibiliti Pegawai Penguatkuasa Agama

Kekurangan Bilangan Pegawai Penguatkuasa Agama

Kekurangan anggota Pegawai Penguatkuasa Agama merupakan salah satu punca berlaku ketidakberkesanan dalam menangani kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan (Mohd Arif & Siti Zubaidah, 2019). Operasi penyiasatan dan serbuan sering dijalankan apabila terdapat aduan-aduan yang tertentu sama ada melalui pantauan pegawai penguatkuasa ataupun melalui maklumat orang ramai. Di bahagian penguatkuasaan Negeri Sembilan terdapat seramai 80 orang anggota dan ini menunjukkan bahawa anggota penguatkuasa agama di negeri tersebut sudah mencukupi kerana kurang penambahan migrasi penduduk di negeri ini. Jumlah keanggotaan yang dinyatakan ini menunjukkan adalah satu perkara biasa kerana bilangan tersebut dapat menampung bilangan penduduk yang tidak terlalu ramai dan kekurangan keluasan kawasan negeri tersebut. Ini secara tidak langsung tiada kesukaran pegawai penguatkuasa agama untuk menjalankan penyiasatan, malah pada tahun 2022 hingga tahun 2023 mereka yang berada di bahagian penguatkuasaan ini kurang mendapat aduan berkenaan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan (Informan 1).

Kekurangan Dari Sudut Latihan Dan Pengetahuan

Setiap perkara yang telah disiasat oleh pegawai penguatkuasa agama, akan dimasukkan ke dalam fail-fail tertentu untuk diserahkan kepada pihak pendakwa syarie untuk difailkan ke Mahkamah Syariah. Namun begitu, terdapat beberapa fail yang terpaksa dipulangkan semula oleh pihak pendakwa syarie kepada pegawai penguatkuasa agama negeri atas sebab ketidakcukupan keterangan-keterangan dan bukti-bukti yang diperolehi untuk membuktikan dalam mahkamah (Ramzi, 2019).

Manakala, tempoh kursus yang dijalankan menunjukkan kesan kekurangan kemahiran dan latihan ke atas pegawai-pegawai apabila berhadapan dengan orang yang disyaki (OYDS). Manakala beliau berpandangan bahawa tempoh latihan yang dijalankan oleh pegawai atau ahli baru iaitu selama satu minggu adalah tidak mencukupi. Malah, pegawai baru dilantik akan mengalami masalah kurang pengalaman yang menyebabkan pegawai tersebut perlu menghadiri kursus latihan dalam tempoh yang singkat (Informan 3). Sementara itu, kekurangan latihan dan pengetahuan tentang prosedur penguatkuasaan akan menjejaskan kredibiliti Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) iaitu sebagai badan penguatkuasa jenayah syariah sudah dipertikaikan dan menjadi isu dan bualan masyarakat umum (Zubaidah Ismail, 2008).

Kekurangan Kualiti Aktiviti Penguatkuasaan

Pegawai Penguatkuasa Agama yang baru dilantik sudah pasti memerlukan masa untuk memahami selok-belok tugas baru. Seperti yang sedia maklum, tindakan penguatkuasaan adalah berdasarkan operasi dan juga aduan. Bagi setiap proses penyiasatan pegawai yang tidak terlatih dan belum dilatih untuk melakukan siasatan yang memuaskan mereka ini sudah pasti akan mengalami jalan buntu jika perkara ini dibiarkan tanpa tunjuk ajar atau panduan (Zubaidah Ismail, 2008). Tambahan lagi, terdapat sesetengah pegawai penguatkuasa yang kurang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan penguatkuasaan.

Ini secara tidak langsung, akan menyebabkan kesan buruk ketika pengambilan keterangan dan bukti ke atas orang yang disyaki kerana kemungkinan terdapat beberapa perkara yang perlu tidak mencukupi. Dalam penyiasatan ini, kesalahan ke atas pesalah lelaki yang berpakaian atau berlagak seperti perempuan bukan satu kesalahan yang boleh ditangkap, malah pegawai penguatkuasaan hanya boleh membuat siasatan ke atas orang yang disyaki bagi mendapatkan pembuktian tersebut (Ramzi, 2019).

Bahagian penguatkuasaan telah mengalami kekurangan dari sudut kualiti penguatkuasaan dimana menurut pandangan beliau di bahagian penguatkuasa seperti kurang terlatih dalam pengetahuan dan kemahiran untuk menguatkuasakan undang-undang, ketangkasan fizikal dan sebagainya menyebabkan wujud kelemahan dalam penguatkuasaan. Hal ini mengakibatkan berlakunya insiden seperti tidak mematuhi prosedur, salah tangkap, dan tidak mahir dalam menjalankan tugas-tugas penyiasatan dan tangkapan serta tidak mampu membenteras dan menangani kesalahan-kesalahan syariah yang berlaku. Perkara ini berlaku kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka dalam menangani kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan di mana sebahagian mereka dilihat masih lagi tidak mampu untuk membenteras dan menangani kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan. Kebanyakan Pegawai Penguatkuasa Agama berkelulusan dalam bidang Pendidikan Islam, Pengajian Islam atau Syariah, namun tidak semestinya mempunyai kemahiran latar belakang dalam undang-undang syariah (Informan 3).

3) Kekurangan dari Sudut Fasiliti dan Infrastruktur

Kekurangan Kelengkapan Peralatan Penguatkuasaan

Kekurangan dari segi barang peralatan penguatkuasaan juga di satu satu penyebab berlakunya ketidakkeberkesanan dalam membenteras kesalahan jenayah syariah lelaki berlagak seperti perempuan (Mohd Arif & Siti Zubaidah, 2019). Menurut Mohammad Ramzi, 2019 iaitu dalam penulisan beliau ada menyatakan bahawa pegawai penguatkuasa agama sering mengalami kekurangan dari segi infrastruktur ketika menjalankan penyiasatan dan serbuan. Infrastruktur yang dimaksudkan di sini adalah dari segi kemudahan dan kelengkapan seperti kenderaan dalam menjalankan sesuatu tindakan di permis atau tempat-tempat tertentu (Ramzi, 2019). Keadaan ini menimbulkan kesukaran pihak pegawai penguatkuasa agama untuk menjalankan operasi penyiasatan tersebut, malah menjadi satu bebanan sekiranya infrastruktur yang dimohon tidak dapat digunakan atas sebab-sebab tertentu.

Di bahagian penguatkuasaan masih terdapat kekurangan dari segi kelengkapan dan kemudahan peralatan pejabat. Adakalanya juga, infrastruktur seperti kenderaan operasi

yang sedia ada merupakan kenderaan-kenderaan yang lama atau mengalami kerosakan yang tidak dapat diselenggara atas sebab faktor-faktor kewangan yang tidak mencukupi dan malah di bahagian penguatkuasaan infrastruktur-infrastruktur yang sedia ada bukanlah merupakan hak milik penuh yang diberikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Melaka dan setiap kenderaan adalah milik perkongsian bersama dan tidak mempunyai infrastruktur yang khusus bagi menjalankan rondaan dan pantauan di sesuatu kawasan yang sering dijadikan kawasan bagi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan (Informan 3).

Justeru itu, fasiliti kenderaan di bahagian penguatkuasaan juga tidak memadai. Menurutny lagi, ketika beliau berkhidmat di bahagian penguatkuasaan pada tahun 2019 kuantiti kenderaan ketika itu hanya terdapat sebuah kereta sahaja malah kereta tersebut perlu berkongsi dengan bahagian-bahagian yang lain juga. Perkara ini menunjukkan bahawa kuantiti kenderaan yang ada masih tidak mencukupi. Peralatan penguatkuasaan yang sedia ada tidak dapat dibekalkan untuk kegunaan pegawai penguatkuasa yang ditempatkan di daerah-daerah. Sebagai contoh gari, iaitu kuantiti gari masih lagi tidak mencukupi kerana penggunaan gari sudah diwartakan. Begitu juga senjata api, ini juga tidak dibekalkan kepada pegawai penguatkuasa dalam operasi siasatan dan tangkapan (Informan 3).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguatkuasaan bagi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan berhadapan dengan cabaran yang signifikan dari sudut peruntukan undang-undang sedia ada. Kelompongan dalam peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, khususnya apabila kesalahan tersebut dilakukan di alam maya, menimbulkan kekangan yang nyata kepada Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dalam mengenal pasti seksyen yang sesuai untuk pendakwaan. Ketidakjelasan peruntukan yang hanya menumpukan kepada perlakuan secara fizikal telah mengehadkan skop penguatkuasaan terhadap perbuatan yang berlaku melalui media sosial. Keadaan ini diperburuk dengan keterbatasan bidang kuasa PPA dalam menangani kesalahan di alam maya yang secara prinsipnya terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Walaupun kerjasama antara PPA dan pihak berkaitan wujud, dapatan menunjukkan bahawa cabaran tetap timbul apabila kesalahan tersebut hendak dikuatkuasakan sebagai kesalahan jenayah syariah, khususnya dari segi kuasa tangkapan dan pendakwaan.

Selain itu, isu keberkesanan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah turut memberi kesan terhadap keberkesanan penguatkuasaan kesalahan ini. Hukuman denda yang lazim dikenakan oleh Mahkamah Syariah didapati tidak memberikan kesan pencegahan yang berkesan, khususnya apabila kesalahan yang sama dilakukan secara berulang oleh individu yang sama. Keadaan ini menunjukkan bahawa bentuk hukuman yang ringan dan mudah dilunaskan, termasuk melalui bantuan pihak tertentu, tidak menimbulkan kesan jera kepada pesalah. Fenomena pengulangan kesalahan ini sekaligus memberi gambaran bahawa pelaksanaan hukuman sedia ada masih belum mencapai objektif pencegahan yang berkesan dalam konteks penguatkuasaan jenayah syariah.

Kajian juga mendapati isu berkaitan kredibiliti Pegawai Penguatkuasa Agama yang dipengaruhi oleh faktor sumber manusia dan keupayaan profesional. Walaupun bilangan PPA di sesetengah negeri didapati mencukupi, kekurangan dari sudut latihan, pengetahuan prosedural dan pengalaman praktikal telah menjejaskan kualiti penguatkuasaan. Ketidacukupan latihan, khususnya bagi pegawai baharu, memberi kesan langsung kepada keupayaan pengumpulan keterangan dan pembuktian yang memadai, sehingga menyebabkan fail siasatan dipulangkan semula oleh pihak pendakwa syarie. Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan persepsi masyarakat terhadap kecekapan dan kewibawaan PPA sebagai badan penguatkuasa jenayah syariah.

Selanjutnya, kualiti prosedur penguatkuasaan juga dilihat terjejas akibat kekurangan kemahiran teknikal dan pengalaman dalam kalangan sebahagian PPA. Kelemahan dalam pematuhan prosedur, pengendalian siasatan serta pengambilan keterangan telah menimbulkan risiko berlakunya kesilapan seperti salah tangkap dan kecacatan siasatan. Tambahan pula, sifat kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan yang tidak tergolong sebagai kesalahan boleh tangkap secara langsung menuntut tahap kemahiran siasatan yang lebih tinggi, yang didapati masih belum dikuasai sepenuhnya oleh sebahagian pegawai penguatkuasa agama (PPA).

Akhir sekali, kajian ini menunjukkan bahawa kekurangan fasiliti dan infrastruktur turut menjadi faktor yang menyumbang kepada ketidakberkesanan penguatkuasaan. Keterbatasan dari segi kenderaan operasi, peralatan penguatkuasaan dan kemudahan sokongan telah menyukarkan pelaksanaan rondaan, penyiasatan dan operasi tangkapan. Keadaan ini bukan sahaja membebankan PPA, malah menjejaskan keupayaan penguatkuasaan secara menyeluruh, khususnya di kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi berlakunya kesalahan tersebut. Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan bahawa isu ketidakseragaman peruntukan undang-undang, kelemahan penguatkuasaan dan kekurangan sokongan logistik saling berkait dan memberi kesan langsung terhadap keberkesanan penguatkuasaan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan di Malaysia.

KESIMPULAN

Kewujudan golongan lelaki berlagak seperti perempuan yang semakin berani menzahirkan aktiviti serta tuntutan pengiktirafan telah menimbulkan kebimbangan serius dalam masyarakat, khususnya apabila peningkatan fenomena ini terus berlaku walaupun peruntukan undang-undang sedia ada telah diwujudkan. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk menambah baik kerangka penguatkuasaan melalui pewujudan garis panduan dan prosedur penguatkuasaan yang seragam, jelas dan mudah difahami bagi mengelakkan ketidakteraturan dalam pelaksanaan tindakan undang-undang. Penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada, termasuk aspek hukuman, dilihat perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan sokongan kerajaan dan pihak berkepentingan, di samping usaha meningkatkan kefahaman masyarakat agar tindakan penguatkuasaan dapat diterima secara lebih positif demi kemaslahatan umum dan pemeliharaan kesucian Islam.

Selain pendekatan perundangan dan penguatkuasaan, aspek pemulihan dan pengukuhan institusi penguatkuasaan turut dikenal pasti sebagai keperluan utama. Penubuhan pusat pemulihan khusus di peringkat negeri dilihat relevan sebagai mekanisme susulan selepas pensabitan kesalahan, bagi memberi bimbingan rohani dan sokongan pemulihan secara berstruktur kepada pesalah. Dalam masa yang sama, pemantapan kredibiliti Pegawai Penguatkuasa Agama melalui latihan berterusan, pengekalan kepakaran dalam bidang penyiasatan, serta pewujudan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas adalah penting bagi meningkatkan profesionalisme dan keberkesanan penguatkuasaan. Secara keseluruhan, pendekatan bersepadu yang melibatkan penambahbaikan undang-undang, pemulihan pesalah dan pengukuhan kapasiti penguatkuasaan adalah selari dengan keperluan semasa dalam menangani isu lelaki berlagak seperti perempuan secara lebih sistematik dan berkesan.

RUJUKAN

Al-Quran al Karim

Husnin Muhamad Maklufi, Tafsirah Shofwatul bayan, Kuwait, 1987, hlm.131.

Mohd Arif Ariffin Abu Bakar & Siti Zubaidah Ramli. (2019). *Jenayah Syariah Golongan Mak Nyah: Isu Dan Masalah Penguatkuasaan Di Negeri Melaka*.

Mohammad Ramzi Bin Zakaria. (2019). *Lelaki berlagak Seperti Perempuan: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah Di Malaysia*.

Zaim Mushafar Abu Bakar. (2019). *Cabaran penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Berkaitan Ajaran Sesat: Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Disertai Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akaedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siti Zubaidah Ismail. (2008). *Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysai: Satu Analisis*. Jurnal Syariah, Jil.16, Keluaran Khas (2008) 537-554.

TEMU BUAL

Encik Mohd Yazid bin Saat, Ketua Pegawai Peguatuksa Agama Negeri Sembilan (Informan 1)

Encik Haris Bin Abdllah, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Informan 2)

Datuk Rahimin Bin Bani, Mantan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri Melaka (Informan 3)

STATUT

Akta Kesalahan (Wilayah Persekutuan) 1997

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992

Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997

Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 Perak

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 Enakmen Jenayah
Syariah Dalam Syarak 1991 Perlis
Enakmen Kesalahan Jenayah (Pahang) 2013
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 Enakmen Kanun
Jenayah Syariah 1985 (Kelantan)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Sabah
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak)
Arahan Amalan Mahkamah Syariah No 8 Tahun 2015